

BAB SATU

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Penekanan terhadap hak asasi manusia adalah suatu tanggung jawab yang tidak boleh dianggap remeh oleh masyarakat, khususnya pemerintah. Ia adalah tuntutan yang secara jelas diperuntukkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah¹. Walaupun istilah hak-hak asasi manusia itu tiada dalam peruntukan Al-Quran tetapi perintah amat jelas melalui nilai-nilai kemasyarakatan seperti persamaan, perlindungan, keadilan dan kebebasan.

Nilai-nilai ini menjadi hak dan tanggungjawab setiap manusia yang terangkum dalam istilah hak-hak asasi manusia. Malangnya, subjek tentang hak-hak asasi manusia ini masih merupakan masalah, yang sering berlaku dalam masyarakat di mana-mana di dunia. Contoh yang terdekat dengan penulis ialah kekejaman yang berlaku di daerah Aceh.

Peristiwa-peristiwa lain yang terbaru seperti pelarian di Kosovo, penindasan di Chechnya, penindasan di Timor timur, penindasan umat Islam di Ambon dan lain-

¹ Peruntukkan al-Qur'an dan as-Sunnah akan dibincangkan dalam Bab V (Penilaian terhadap Pelanggaran Hak-hak Asasi Manusia di Aceh dari Perspektif Syariah dan Perlembagaan Indonesia.

lain. Kajian ini dilakukan adalah atas dorongan untuk menganalisis tentang punca dan bentuk-bentuk pelanggaran tersebut khususnya yang berlaku di Aceh.

Pelanggaran hak-hak asasi manusia di Aceh yang dilakukan oleh "aparatus keamanan"² ketika berlakunya Daerah Operasi Militer (DOM) selama hampir 10 tahun iaitu dari tahun 1989 sehingga 1998 adalah antara contoh yang terdekat dengan penulis.

Di mana tindakan perletakan Daerah Operasi Militer (DOM) oleh pemerintah Indonesia di daerah Aceh adalah kerana daerah tersebut dianggap sebagai daerah pemberontak, yang mana masyarakatnya dianggap sebagai penentang pemerintah. Selain daripada itu, masyarakatnya juga telah dianggap sebagai fundamentalis Islam yang menimbulkan kekacauan kepada masyarakat.³

Gerakan Daerah Operasi Militer (DOM) ini telah mengambil langkah-langkah agresif terhadap masyarakat setempat meliputi tindakan biadab sebagaimana yang digambarkan dalam akhbar harian Aceh Serambi Indonesia seperti merogol seorang ibu di hadapan anak kandungnya sendiri, menelanjangi wanita di hadapan orang ramai kemudian membunuhnya serta ada yang dikuburkan hidup-hidup.⁴

² *Aparatus keamanan* adalah anggota tentera dan dalam penulisan ini ia merujuk kepada Komando Pasukan Khusus (Kopassus)

³ *Serambi Indonesia*, 30 Julai 1998, h. 8

⁴ *Ibid*

Tindakan tidak bermaruah dan tidak berperikemanusiaan ini sangat mendorong penulis untuk menganalisis keadaan sebenar yang berlaku di daerah tersebut. Apa yang berlaku di Aceh bukan sekadar pencerobohan diri dan maruah tetapi juga harta dari sumber alam yang secara tradisinya menjadi punca pendapatan masyarakat Aceh.

Semua hasil alam dan hasil hutan masyarakat Aceh, seperti Condensate (minyak mentah), LNG (Liquid Natural Gas) yang bernilai US \$ 2.6 billion setiap tahun, kekayaan hutan yang bernilai Rp 900 billion setiap tahun, semua diambil secara paksa oleh pemerintah dengan tidak membahagikan kepada daerah Aceh.⁵

Sehingga peristiwa ini telah menimbulkan implikasi negatif terhadap ekonomi rakyat Aceh iaitu masyarakat Aceh menjadi miskin. Inilah diantara dua bentuk pelanggaran hak-hak asasi manusia yang dilakukan oleh aparat keamanan selama tempoh pendudukan operasi militer. Banyak pihak menganggap kekejaman di Aceh adalah sesuatu yang dirancang untuk menghilangkan identiti masyarakat Aceh yang berasaskan Islam di Indonesia⁶.

Kekejaman ini bukan sekadar melanggar prinsip-prinsip hak asasi Islam tetapi juga hak individu dalam negara merdeka. Sebagaimana yang disebut dalam Pembukaan Undang-undang Dasar (UUD) 1945 para ke empat bahawa :

⁵ *Anggaran Pendapatan Belanja Daerah (APBD) Wilayah Aceh Tahun 1997/1998*, Pejabat Gabenor Daerah Istimewa Aceh, h. 45

⁶ M. Nur El-Ibrahimi (1986), *Teungku Muhammad Dawud Beureueh*, Jakarta, Gunung Agung, h. 175

“Negara Indonesia terbentuk dalam suatu susunan negara Republik Indonesia yang berkedaulatan rakyat dengan berdasar kepada : Ketuhanan Yang Maha Esa, kemanusiaan Yang Adil dan beradab, Persatuan Indonesia, Kerakyatan Yang dipimpin oleh Hikmat kebijaksanaan dalam permusyawaratan perwakilan serta dengan mewujudkan suatu keadilan sosial bagi seluruh rakyat Indonesia”

Dari latar belakang ini penulis begitu tertarik untuk menganalisis keadaan di Aceh dan Daerah Operasi Militer (DOM) yang sebenarnya dengan merujuk kepada beberapa persoalan utama iaitu :

1. Apakah bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku di Aceh (1989-1998).
2. Mengapakah berlakunya pelanggaran hak Asasi Manusia oleh Daerah Operasi Militer (DOM) tersebut.
3. Sejauhmanakah pelanggaran itu bertentangan dengan Syariah dan Perlembagaan negara Indonesia.

1.2. SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada dua skop utama iaitu *pertama*, bentuk dan sebab-sebab berlakunya pelanggaran hak-hak asasi manusia di Aceh, ketika berlakunya Daerah Operasi Militer (DOM) pada tahun 1989-1998. *Kedua*, pelanggaran di Aceh dianalisis daripada sudut Syariah dan Perlembagaan negara Indonesia.

Asas tumpuan Syariah akan difokus kepada sumber al-Quran dan as-Sunnah, Manakala tumpuan dalam Perlembagaan negara Indonesia akan merujuk kepada isi

Undang-undang Dasar 1945 fasal 27, 28, 31,33 dan fasal 34. Penyelidikan terhadap kes-kes pelanggaran hak-hak asasi di Aceh akan dilakukan secara observasi hanya di beberapa daerah utama perletakan Daerah Operasi Militer (DOM) seperti Aceh pidie, Aceh utara dan Aceh timur.

1.3. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting kerana ia akan memaparkan peristiwa-peristiwa pencabulan hak asasi manusia di Aceh yang dilakukan oleh askar-askar Indonesia seperti membantai, merogol dan membunuh masyarakat Muslim Aceh semasa pendudukan operasi militer.

Di samping ia juga penting kerana dari paparan yang diberi, penulis juga akan menjelaskan mengapa hal pencabulan tersebut berlaku melalui hasil daripada pengamatan yang mendalam semasa melawati dan mengadakan temubual dengan masyarakat yang mengalami penderitaan semasa operasi militer.

Dengan pendedahan realiti ini penulis juga akan menganalisisnya dari sudut Syariah dan perlembagaan Indonesia. Dengan sebab itu, kajian ini adalah kajian terkini yang sangat penting kerana bukan saja mendedahkan peristiwa yang berlaku di Aceh, tetapi juga menawarkan penyelesaian kepada pencabulan hak asasi manusia berasaskan hukum Syara' dan perlembagaan negara Indonesia.

1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengetahui dengan jelas dan terperinci sejauhmana berlakunya pelanggaran hak asasi manusia di Aceh selama berlaku Daerah Operasi Militer (DOM) 1989-1998.
2. Mengetahui dengan jelas apakah bentuk-bentuk pelanggaran hak Asasi Manusia di Aceh tahun 1989-1998
3. Mendalami lebih jauh tentang beberapa nilai yang terkandung dalam hak asasi manusia dalam Islam seperti perlindungan, persamaan, kebebasan dan keadilan. Serta mendalami peruntukkan hak asasi dalam perlembagaan negara Indonesia.
4. Mengenalpasti usaha-usaha pemulihan ke arah mencapai keamanan dan kesejahteraan masyarakat Aceh.
5. Mengusulkan beberapa cadangan kemanusiaan kepada pemerintah dan masyarakat Aceh untuk mengembalikan kegemilangan daerah tersebut yang dikenal sebagai daerah Serambi Mekkah .

1.5. HIPOTESIS KAJIAN

Pelanggaran hak asasi manusia selama wujudnya Daerah Operasi Militer (DOM) sangat buruk, pelanggaran ini dilakukan oleh “aparatus keamanan” atas nama pemerintah Indonesia dengan tujuan untuk menghilangkan identitas Islam dan maruah masyarakat Aceh dengan melakukan penghapusan etnik (genocide) seperti membunuh, merogol, membakar rumah dan sebagainya.

Di samping itu tindakan penceroohan lain yang dilakukan adalah pengambilan secara paksa seluruh kekayaan alam daerah Aceh seperti gas, perbalkan, pupuk dan pretolium, semuanya dibawa ke pulau Jawa dan hanya sedikit sahaja disalurkan untuk kesejahteraan masyarakat Aceh, hal ini merupakan suatu usaha pemerintah Indonesia untuk memiskinkan Aceh secara ekonomi. Dari huraian di atas ada dua hipotesis penting yang perlu dianalisis iaitu:

- A. Usaha untuk menghilangkan identitas Islam masyarakat Aceh sebagai tindakan untuk mengindonesiakan watak dan kebudayaan masyarakat Aceh.
- B. Usaha untuk memiskinkan Aceh secara ekonomi dengan mengambil semua hasil kekayaan masyarakat Aceh.

Usaha-usaha di atas telah menyebabkan lahirnya kekejaman dan pencabulan hak-hak asasi manusia di Aceh yang sangat buruk di Indonesia.

1.6. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini keseluruhannya adalah kajian kualitatif yang menggabungkan antara penyelidikan perpustakaan dan lapangan. Penyelidikan perpustakaan ialah apabila kajian ini menuntut kepada penilaian sejarah seperti latar belakang Aceh, teori hak-hak asasi manusia menurut syariah dan penerimaan antarbangsa, penulisan-penulisan primer dan sekunder, bahan-bahan dokumentasi tentang apa saja yang berlaku di Aceh seperti jumlah kemalangan nyawa, keadaan pendapatan ekonomi Aceh, kerosakan harta benda, jumlah militer yang ditempatkan di Aceh dan sebagainya.

Penyelidikan lapangan pula ialah apabila kajian ini hanya tertumpu kepada Aceh sebagai kawasan kajian. Beberapa daerah dipilih untuk tinjauan observasi dan temu bual dengan masyarakat, khususnya yang menjadi mangsa pencabulan hak asasi Daerah Operasi Militer (DOM), tokoh-tokoh agama, ahli akademik, badan bukan kerajaan, golongan mahasiswa, aktivis Aceh dan ahli politik Aceh. Dengan itu, metode yang akan digunakan adalah ;

1.1.6. Pengumpulan data

1. *Metod Librari* iaitu mengumpulkan data-data melalui buku-buku, kertas kerja, dan penulisan primer dan sekunder.

2. *Metod Dokumentasi* iaitu mengumpulkan data-data melalui laporan yang dibuat oleh badan bukan pemerintah (NGO'S) tentang pelanggaran hak asasi manusia di Aceh. Juga data-data yang diperolehi dari arkib negara serta laporan ekonomi yang diperolehi dari pejabat Gobenu Daerah Istimewa Aceh. Metod ini juga digunakan untuk merujuk fasal 33 Ayat 1 dan 3 tentang perekonomian dalam perlembagaan Indonesia, fasal 34 tentang pemeliharaan anak yatim dan fasal 31 tentang pendidikan.

3. *Metode temubual* iaitu metod yang digunakan untuk menemubual tokoh-tokoh politik, ahli badan bukan kerajaan (NGO), aktivis Aceh, Ulama, golongan mahasiswa dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Banda Aceh dan golongan akademik sahaja serta mangsa dan keluarga kepada mangsa operasi militer. Antara tokoh-tokoh politik yang ditemubual ialah : Muhammad Yus (Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Aceh) , Sayed Mudhahar Ahmad (Ketua Parti Amanat Nasional Wilayah Aceh), Nazaruddin Syamsuddin, Bakhtiar Ali. Sedangkan dikalangan ahli badan bukan kerajaan dan aktivis aceh di antaranya Otto Syamsuddin Ishak (Ketua NGO Kardova Banda Aceh), Nezar Patria (ahli Komisi Tindak Kekerasan dan Orang Hilang (KONTRAS)), Allahyarham Jafar Siddiq (Ketua International Forum of Aceh).

Manakala di kalangan Ulama di antaranya : Alyasa' abubakar, Safwan Idris dan Rusydi Ali Muhammad. Golongan akademik dari umur 40-55 tahun seramai 10 orang sahaja. Manakala golongan Mahasiswa yang ditemubual seramai 2 orang iaitu Kausar dan Muhammad Nazar (Mahasiswa Institut Agama Islam Negeri

Banda Aceh). Jumlah mangsa dan keluarga mangsa yang ditemubual seramai 19 orang. Jumlah keseluruhan yang ditemubual 41 orang. *Daftar biodata Responden sila lihat lampiran A.*

Metod ini digunakan² untuk memperolehi data secara primer khususnya dari golongan yang berusaha untuk memimpin dan melindungi masyarakat iaitu tokoh politik, golongan yang prihatin dan memberi bantuan kemanusiaan iaitu badan bukan kerajaan (NGO), para pengkaji sejarah Aceh iaitu golongan akademik, penilai dari sudut hukum iaitu ulama, pandang golongan muda iaitu mahasiswa dan dari golongan yang merasai kekejaman tersebut iaitu mangsa dan keluarganya.

Kaedah temubual yang dijalankan adalah kaedah *Quota Sampling* iaitu suatu kaedah dengan menentukan jumlah responden tertentu yang akan ditemubual. kaedah ini dipilih kerana jumlah mangsa di tiga daerah peletakan Daerah Operasi Militer (DOM) iaitu Aceh Timur, Utara dan Aceh Pidie jumlahnya sangat ramai mencapai 2,000 orang, di samping keadaan daerah peletakan DOM tersebut masih tidak aman kerana masih adanya operasi militer. Oleh yang demikian, untuk memudahkan penyelidikan, penulis menggunakan kaedah ini supaya hasil daripada kajian ini akan memuaskan. Penulis mengadakan pengamatan ke lapangan selama enam bulan.

Soalan-soalan temubual ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama soalan-soalan kepada kalangan profesional seperti tokoh politik, ulama, badan

bukan kerajaan, golongan mahasiswa, aktivis Aceh dan ahli akademik. Soalan-soalan itu berkisar tentang : Bentuk-bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh askar Indonesia terhadap masyarakat Aceh, mengapa pelanggaran hak asasi berlaku di Aceh serta kedudukan kejadian ini menurut mereka mengikut perspektif Syariah dan perlembagaan Indonesia.

Bahagian kedua kepada masyarakat mangsa dan keluarga mangsa Daerah Operasi Militer (DOM). Soalan-soalan itu berkisar tentang pengalaman yang dialami mereka ketika berlakunya Daerah Operasi Militer (DOM) dan bentuk-bentuk kekejaman yang dilakukan tentera Indonesia pada masa tersebut. *Soalan-soalan bagi metod ini sila lihat lampiran B.*

4. *Metod pengamatan (observasi).* Iaitu metod ini digunakan untuk penulis mengamati sendiri suasana dan kesan pencerobohan hak asasi yang berlaku di Aceh. Metod ini akan lebih meyakinkan penulis tentang gambaran sebenar yang berlaku yang pernah dipaparkan di akhbar, majalah, buku-buku dan sebagainya tentang apa yang berlaku di Aceh semasa pendudukan operasi militer. Pengamatan hanya ditumpukan kepada kawasan kajian penulis iaitu Aceh Pidie, Aceh Utara dan Aceh Timur.

1.2.6. Penganalisaan Data

Analisis data merupakan bahagian yang sangat penting dalam metod ilmiah, kerana dengan analisislah segala maklumat dan data dapat diberi makna yang berguna

dalam menyelesaikan masalah penyelidikan. Ada beberapa langkah yang dilakukan dalam menganalisis data yang diperoleh melalui metod librari, observasi dan interview iaitu :

1. Memeriksa semula data yang diperolehi dengan cara melakukan semakan terhadap data-data terlebih dahulu. Maknanya data yang telah dikumpulkan sama ada dalam bentuk fakta, mahupun dalam temubual perlu dibaca sekali lagi dan dibaiki, jika masih ada hal-hal yang salah dan yang masih meragukan. Apa yang diperhatikan dalam semakan (*editing*) ini adalah mengenai kelengkapan dan kesempurnaan data, memahami semua catatan dalam temubual.⁷
2. Membahagi data-data ini dalam dua kelompok (kategori). Kerana dalam temubual terdapat dua kelompok responden iaitu kalangan masyarakat awam iaitu mangsa dan keluarga kepada mangsa dan kalangan profesional.⁸ Dengan sebab itu data-data yang diperolehi daripada kalangan profesional akan diasingkan daripada data-data yang diperolehi daripada masyarakat awam.
3. Memberi penafsiran terhadap data-data yang ditemukan, iaitu mencari erti yang lebih luas ke atas penemuan data dan maklumat. Penafsiran data tidak dapat dipisahkan dari analisis, sehingga sebenarnya penafsiran merupakan aspek khas dari teknis analisis. Secara umum penafsiran adalah penjelasan terperinci tentang

⁷ Mohd Nasir (1985), *Metode Penelitian*, Jakarta: Ghaha Indonesia, h. 406

⁸ F.N Kerlinger (1973), *Foundation of Behavioral Research*, New York: Holt, Rinehort and Winston, itc, h. 137-141

erti yang sebenar dari data yang diperoleh. Penafsiran juga berkehendak untuk membina suatu konsep yang bersifat menjelaskan (*explanatory concepts*).⁹

Misalnya tentang proses pemberlakuan Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh. Dalam hal ini ingin² dianalisis tentang kewujudan DOM dan implikasinya terhadap masyarakat Aceh. Selepas itu analisis ini ditafsirkan secara terperinci dan luas seperti sebab dan tujuan Daerah Operasi Militer (DOM) dan implikasi terhadap masyarakat Islam Aceh.

4. Langkah terakhir ialah membuat kesimpulan dari analisis penyelidikan yang sesuai dengan hipotesis kajian.¹⁰ Dalam hal ini penulis sangat berhati-hati dalam membuat kesimpulan penyelidikan. Di samping tidak boleh berbeza dengan hipotesis, juga tidak boleh dipengaruhi oleh kepentingan peribadi. Kerana penyelidikan ini berhubung kait dengan daerah di mana penulis berasal.

Data-data yang dianalisis dengan menggunakan metod perbandingan iaitu membandingkan kedudukan hak asasi manusia dari sudut Syariah dan perlembagaan Indonesia. Seterusnya membandingkan sejauhmana berlakunya pelanggaran hak asasi manusia di Aceh bertentangan dengan hukum Syara⁷ dan perlembagaan tadi.

⁹ *Op cit*, h. 437-438

¹⁰ H. Noeng Muhadjir, *Op cit*, h. 311

1.7. KENYATAAN MENGENAI MASALAH KAJIAN

Dalam kajian ini penulis akan memaparkan tentang bentuk-bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku di Aceh tahun 1989-1998 iaitu masa peletakan Daerah Operasi Militer (DOM). Penulis juga akan mengkaji mengenai penyebab utama diberlakukannya Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh.

Di mana tindakan Daerah Operasi Militer (DOM) telah menimbulkan implikasi yang buruk terhadap masyarakat Aceh, sama ada segi ekonomi, politik mahupun sosial. Serta menerangkan sejauhmana pelanggaran hak asasi manusia di Aceh bertentangan dengan Syariah dan perlembagaan Indonesia.

1.8. KERANGKA TEORI

Dalam kajian ini teori asas yang digunakan untuk membentuk asas pembentukan masalah adalah teori hak asasi manusia dalam Syariah yang bertumpu pada al-Quran, as-Sunnah serta pendapat Fuqaha. teori hak asasi manusia dalam teori barat (moden) yang hanya bertumpu pada dua sumber utama di mana hak asasi moden diasaskan.

Sumber utama itu ialah Deklarasi PBB tanggal 10 Disember 1948 dan Konvensi Eropah tanggal 4 Nopember 1950. Serta mengikut perlembagaan Indonesia iaitu fasal 27, 28, 31, 33 dan fasal 34 Undang-undang Dasar (UUD) 1945.

1.9. HURAIAN ISTILAH

Sesuai dengan tajuk disertasi ini " *Pelanggaran Hak Asasi Manusia di Aceh Tahun 1989-1998 menurut Syariah dan Perlembagaan Indonesia*". Maka istilah yang perlu dihuraikan adalah sebagai berikut :

1.9.1. Hak

Menurut kamus besar bahasa Indonesia, hak mengandungi erti, pertama, yang benar ; yang sungguh ada ; kebenaran, misalnya orang harus pandai membezakan mana yang hak dan mana yang bukan hak. Kedua, kekuasaan yang benar atas sesuatu atau untuk menuntut sesuatu, misalnya menantu tidak ada hak atas harta pusaka mertuanya.

Ketiga, Kekuasaan untuk berbuat sesuatu (kerana ditentukan oleh aturan, undang-undang dan sebagainya). Misalnya, sekalian warga negara yang telah berumur 18 tahun ada hak memilih dan dipilih menjadi ahli parlimen.

Keempat, Kewenangan, misalnya, orang yang telah berijazah guru yang sebenarnya tidak hak mengajar di sekolah negeri. Kelima, milik kepunyaan, misalnya, barang ini bukan hakku.¹¹

¹¹ W. J. S. Poerwadarmita (1985), *Kamus Umum Bahasa Indonesia*, Jakarta, Balai Pustaka, h. 139

1.9.2. Asasi

Menurut kamus bahasa Indonesia asasi ertinya, mengenai asas, yang pokok, yang menjadi dasar, misalnya mempertahankan hak-hak asasi manusia.¹² Oleh yang demikian hak asasi ialah hak dasar yang dimiliki oleh manusia yang tidak boleh diganggu.

1.9.3. Manusia

Menurut T. M. Usman el-Mahammadi, manusia itu adalah makhluk rohaniyah yang berjasad di mana wujudnya sebagai alat-alat tubuh manusia di dalam dan di luar badannya dalam gerak sikap dan fungsinya di dalam hidup dan kehidupan ini, yang mewujudkan sifat dan tabiat dalam tingkah laku setiap hari iaitu baik dan buruk.¹³

Dalam ensiklopedi umum bahasa Indonesia diterangkan bahawa manusia adalah alam kecil sebahagian daripada alam besar yang ada di atas bumi, dan sebahagian makhluk bernyawa.¹⁴

¹² *Ibid*

¹³ T. M. Usman el-Muhammadi (1970), *Ilmu Ketuhanan Yang Maha Esa*, Jakarta, Pustaka Agus salim, h. 151

¹⁴ Adi Negoro (1953), *Eksiklopedi Umum Dalam Bahasa Indonesia*, Jakarta, t.p. h. 253

Dengan demikian, menurut Kuntjoro Purbopranoto hak asasi manusia ialah hak-hak yang dimiliki oleh manusia menurut kodratnya yang tidak dapat dipisahkan daripada hakikatnya sebagai manusia dan ianya bersifat suci.¹⁵

¹⁵ Kuntjoro Purbopranoto (1976), *Hak-hak Asasi Manusia dan Pancasila*, Jakarta, Praduga Pramita, h. 18